

[THE CONCEPT OF AL-IMAMAH IN THE SHI'AH SECT]

KONSEP AL-IMAMAH DALAM MAZHAB SHI'AH

MOHD AFFANDI MOHD YUSUF<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Kolej al-Quran Terengganu, Kampus Padang Midin, 21400 Marang, Terengganu, MALAYSIA.  
Email: m.affandi@kqt.edu.my

---

*Received: 4 January 2021*

*Accepted: 14 February 2021*

*Published: 21 March 2021*

---

**Abstract**

*Shi'ah is one of the groups that began to distance themselves from the majority of Muslims after the death of the Prophet SAW. The existence of this group is due to the fanatical nature of Saidina Ali bin Abu Talib r.a. with the belief that he and his descendants are Imams appointed by Allah Almighty as leaders to infallible human beings like the prophets. The existence of Shiites in Malaysia brings the problem of division apart from contradicting the beliefs of Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah which is held by the majority of Muslims in Malaysia. This study aims to examine and parse the concept of al-Imamah in the Shi'ah school in detail and describe the characteristics of the Imam and the comparison of their beliefs in this issue with the beliefs of Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah. This article will focus on the Shi'ah al-Ithnay A'syariah sect only because they are the group with the most followers and are known as Shi'ah today. Data collection was carried out through surveys and analysis of the writings of Islamic figures, especially from the Arab world related to this issue. The results of the study found that the basis of Shi'ah in the issue of al-Imamah is to violate the beliefs of Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah that their Imam is infallible, endowed with miracles and know the unseen. The data collected in this study can be used as a reference by the community in understanding the error of the concept of al-Imamah brought by Shi'ah.*

**Keywords:** *al-Imamah, Shi'ah, Ithna 'Asyariyyah, Akidah*

**Abstrak**

Shi'ah adalah salah satu golongan yang mula menjauhkan dirinya dari majoriti umat Islam selepas kewafatan Baginda SAW. Kewujudan golongan ini adalah kerana sifat fanatik kepada Saidina Ali bin Abu Talib r.a. dengan kepercayaan bahawa beliau dan keturunannya adalah Imam yang dilantik oleh Allah Taala sebagai pemimpin kepada manusia yang ma'sum seperti para nabi. Kewujudan penganut Shi'ah di Malaysia membawa masalah perpecahan selain bercanggah dengan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah yang menjadi pegangan majoriti umat Islam di Malaysia. Kajian ini bertujuan meneliti dan mengupas konsep al-Imamah dalam mazhab Shi'ah secara terperinci dan menghuraikan sifat-sifat Imam serta perbandingan kepercayaan mereka dalam isu ini dengan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah. Artikel ini akan memfokuskan kepada mazhab Shi'ah al-Ithnay A'syariah sahaja kerana merekalah golongan yang paling ramai pengikutnya dan dikenali sebagai Shi'ah pada masa kini. Kutipan data dijalankan melalui tinjauan dan kupasan terhadap penulisan tokoh-tokoh Islam khususnya dari dunia Arab berkaitan isu ini. Hasil kajian mendapati asas pegangan Shi'ah dalam isu al-Imamah

adalah menyalahi akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah iaitu Imam mereka adalah maksum, dikurniakan mukjizat dan mengetahui perkara ghaib. Data yang dikumpulkan dalam kajian ini boleh dijadikan rujukan oleh masyarakat dalam memahami kesesatan konsep al-Imamah yang dibawa oleh Shi'ah.

**Kata kunci:** al-Imamah, Shi'ah, Ithna 'Asyariyyah, Akidah

## PENGENALAN

Rasulullah SAW. telah mengingatkan kita tentang perpecahan umat yang berlaku selepas kewafatan baginda. Perpecahan ini berlaku kerana pelbagai faktor, di antaranya fanatik kepada seseorang ikon. Menjadi kewajipan seorang muslim untuk mencari dan mengamalkan ajaran Islam sebenar seperti yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Sabda baginda SAW.

ستفترق هذه الأمة إلى ثلاث وسبعين فرقة ، كلها في النار إلا واحدة

“Dan umat ini -Islam- akan berpecah kepada tujuh puluh tiga golongan, kesemuanya di dalam neraka kecuali satu (golongan)” (al-Bukhariy, 1994)

Salah satu golongan yang mula menjauhkan dirinya dari majoriti umat Islam adalah golongan Shi'ah. Kewujudan golongan ini adalah kerana sifat fanatik kepada Saidina Ali bin Abu Talib r.a. Tonggak utama akidah golongan ini adalah kepercayaan bahawa Ali r.a dan keturunannya adalah Imam yang dilantik oleh Allah Taala sebagai pemimpin kepada manusia yang ma'sum seperti para nabi.

Tujuan penulisan ini adalah untuk mendedahkan konsep al-Imamah dalam mazhab Shi'ah serta perbezaannya dengan mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah. Penulis akan mengulas masalah ini berdasarkan kepada kajian kepustakaan, dengan mengupas penulisan tokoh-tokoh Islam khususnya dari dunia Arab berkaitan isu ini.

Penulisan dimulakan dengan meninjau sejarah ringkas kewujudan mazhab Shi'ah dan kumpulan-kumpulan mereka. Penulis kemudian membincangkan konsep al-Imamah dalam mazhab Shi'ah secara terperinci dan menghuraikan sifat-sifat Imam. Seterusnya penulis akan membuat perbandingan kepercayaan mereka dalam isu ini dengan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah. Artikel ini akan memfokuskan kepada mazhab Shi'ah al-Ithnay A'syariah sahaja kerana merekalah golongan yang paling ramai pengikutnya dan dikenali sebagai Shi'ah pada masa kini.

## SEJARAH KEWUJUDAN SHI'AH

Fitnah yang berlaku selepas syahidnya Khalifah Islam Ketiga, Othman bin Affan r.a. telah membawa perpecahan yang besar di kalangan umat Islam. Peristiwa inilah yang menjadi bibit permulaan wujudnya mazhab Shi'ah. Bermula sebagai penyokong Ali bin Abu Talib r.a. menentang Muawiyah bin Abu Sufian r.a., golongan ini secara beransur-ansur berubah dari ajaran Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW kepada satu mazhab pelampau yang menjadi musuh kepada Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah.

Secara umumnya umat Islam berpecah kepada tiga golongan selepas kematian Othman bin Affan r.a. Golongan pertama berpendapat Ali bin Abu Talib r.a. paling layak menjadi Khalifah Keempat dan umat Islam perlu memberi taat setia kepada beliau. Golongan kedua pula berpendapat Muawiyah bin Abu Sufian lebih layak menjadi khalifah kerana ketegasannya ingin menuntut bela terhadap kematian Othman bin Affan r.a. Golongan ketiga mengambil sikap berkecuali dan mengasingkan diri.

Golongan penyokong Ali bin Abu Talib R.a. ini kemudiannya dikenali sebagai Shi'ah yang bermaksud pembantu, dan sebahagian besar dari mereka adalah dari Iraq. Namun perlu diberi perhatian bahawa golongan yang bersama Ali bin Abu Talib r.a. pada masa tersebut mempunyai dasar keimanan yang sama seperti Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah. Perbezaan ketara golongan ini dari golongan kedua ialah mereka berpendapat Ali bin Abu Talib r.a. lebih layak menduduki jawatan Khalifah Islam, bahkan lebih layak dari Othman bin Affan r.a.

Pemikiran fanatik mula timbul apabila seorang Yahudi yang berpura-pura memeluk Islam, Abdullah bin Saba' mula mendakwa Ali bin Abu Talib r.a. lebih layak menjadi Khalifah daripada Abu Bakar dan Omar r.a. Beliau mula menghasut penyokong Ali bin Abu Talib r.a. sehingga sebahagian kecil daripada mereka menjadi terlalu fanatik sehingga mendakwa Ali sebagai Tuhan. Ali bin Abu Talib r.a. segera mengambil tindakan dan menghukum mereka. Beliau juga menghalau Abdullah bin Saba' dari Kufah selepas mengetahui Abdullah bin Saba' menghina Abu Bakar dan Omar r.a.

Abdullah bin Saba' meneruskan usahanya menghasut pengikut Saidina Ali r.a. dan memasukkan unsur-unsur agama Yahudi dalam dakwahnya. Diantara doktrin agama Yahudi yang dibawa olehnya adalah mendakwa Ali r.a. menerima wasiat sebagai pengganti Rasulullah SAW seperti Yusya' bin Nun menerimanya dari Musa a.s. Beliau juga membawa doktrin al-Bada' iaitu Allah Taala bersifat jahil serta al-Raj'ah iaitu kembalinya para-Imam selepas kematian mereka. Dakwah yang bermula secara kecil-kecilan ini umpama api dalam sekam, meresap ke dalam jiwa sebahagian penyokong Ali bin Abu Talib r.a. sehingga menjadi satu pegangan yang terpesong dari ajaran Islam. (Hamid al-Idrisiy, 2007)

Ketika umat Islam kembali bersatu apabila Saidina Hasan bin Ali r.a. menyerahkan pemerintahan sepenuhnya kepada Muawiyah pada tahun 45 hijrah, sebahagian dari penyokong beliau terus berusaha menyebarkan propoganda Abdullah bin Saba'. Akhirnya lahirlah satu mazhab yang mempunyai pegangan berbeza sama sekali dengan mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah yang menjadi pegangan majoriti umat Islam.

## **KUMPULAN-KUMPULAN SHI'AH**

Golongan Shi'ah kemudiannya berpecah kepada mazhab-mazhab, dengan setiap mazhab mempunyai pemikiran berbeza dengan mazhab yang lain. Namun hanya tiga mazhab yang masih kekal sehingga hari ini iaitu mazhab al-Ismailiyyah, mazhab al-Zaidiyyah dan mazhab al-Ithnay Asyariyyah. (Hamid al-Idrisiy, 2007)

Mazhab al-Ithnay Asyariyyah inilah yang paling ramai pengikutnya. Mereka dinamakan sebagai demikian kerana tonggak kepercayaan mereka adalah terdapatnya dua belas Imam selepas kewafatan Rasulullah SAW. Mereka juga dikenali sebagai al-Imamiyyah dan al-Ja'fariyyah. Para ulamak Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah lebih gemar memanggil mereka dengan

nama al-Rafidhah kerana mereka menolak pemerintahan Khalifah Abu Bakar dan Omar r.a. Namun di kalangan orang awam mereka lebih terkenal sebagai Shi'ah. Negara Iran merupakan negara yang mempunyai paling ramai penganut mazhab al-Ithnay Asyariyyah ini. Selain daripada Iran, mereka juga terdapat di beberapa negara Islam seperti Iraq, Lubnan, Bahrain dan lain-lain. Mereka menjadi semakin popular apabila teretusnya Revolusi Iran sehingga tersebar ke seluruh dunia.

## KONSEP AL-IMAMAH DALAM MAZHAB SHI'AH

Menurut Wan Zahidi Wan Teh (1993) maksud al-Imamah atau al-Wilayah adalah hak memerintah selepas Nabi Muhammad SAW. Shi'ah menjadikan hak memerintah selepas Nabi SAW. bagi Saidina Ali r.a. dan keturunannya daripada zuriat Fatimah sebagai salah satu dari rukun iman yang penting sehingga tidak sah iman seseorang itu tanpa beriman dengannya.

Pegangan kepada al-Imamah merupakan tonggak kepercayaan Shi'ah. Sheikh Hamid al-Idrisiy (2007) menukilkan kata-kata Ayatullah al-Khumainiy:

وإن من ضروريات مذهبنا أن لأئمتنا مقاما محمودا لا يبلغه ملك مقرب ولا نبي مرسل

"Sesungguhnya di antara perkara terpenting dalam mazhab kita adalah kepercayaan bahawa Imam-imam memiliki kedudukan terpuji yang tidak sampai kepadanya malaikat yang mulia dan nabi yang diutuskan".

Wan Zahidi Wan Teh (1993) pula merujuk kata-kata al-Kulainiy yang meriwayatkan di dalam kitabnya al-Kafi daripada Ja'far al-Sodiq katanya:

أشافي الإسلام ثلاثة: الصلاة والزكاة والولاية، لا تصح واحدة منها إلا بصاحبها

"Tonggak Islam itu tiga, sembahyang, zakat dan wilayah, tidak sah salah satunya melainkan dengan yang dua lagi"

Al-Sheikh Abu Hamid al-Maqdisiy (1983) menukilkan kata-kata Muhammad Redha al-Muzaffar dari kitab al-A'qa'id al-Imamiyyah:

نعتقد أن الإمامة من أصول الدين، لا يتم الإيمان إلا بالاعتقاد بها ولا يجوز فيها تقليد الآباء وأهل المرين مهما  
عظموا وكبروا، بل يجب النظر فيها كما يجب التوحيد والنبوة

"Kami berkeyakinan bahawa al-Imamah adalah dari asas agama, tidak sempurna iman melainkan dengan kepercayaan kepadanya, dan tidak harus mengikut nenek moyang semata-

mata, bahkan wajib melihatnya (mempelajarinya) sepertimana wajibnya (mempelajari) ketauhidan dan kenabian".

Beliau juga menyebut kata-kata Muhammad al-Hasan A'li Kasyif al-'Uzama':

أن الإمامة منصب ألهى كالنبوة، فكما أن الله يختار للنبوة من يشاء فكذلك يختار للإمامة من يشاء  
ويأمر نبيه بالنص عليه

"Sesungguhnya al-Imamah adalah ketentuan Ilahi seperti al-Nubuwah. Sepertimana Allah Taala memilih sesiapa yang dikehendakiNya untuk menjadi nabi, begitu juga Dia memilih sesiapa yang dikehendakiNya untuk menjadi imam. Dia (Allah) memerintah nabiNya secara nas di atas perkara tersebut".

Kata-kata seumpama ini dapat ditemui dengan mudah di dalam kitab-kitab rujukan utama mazhab Shi'ah. Ini menunjukkan konsep al-Imamah adalah perkara ijmak yang menjadi rukun dalam mazhab mereka. Kesimpulan yang boleh dibuat dari mazhab Shi'ah berkaitan konsep al-Imamah adalah:

- 1- al-Imamah adalah perkara utama yang menjadi tonggak mazhab Shi'ah.
- 2- al-Imamah adalah penerusan kepada al-Nubuwah.
- 3- Tugas dan sifat seorang imam adalah sama seperti tugas dan sifat seorang nabi.
- 4- Imam dipilih dengan penentuan Ilahi sama seperti seorang Nabi dipilih.
- 5- Imam berhak mengadakan satu syariat seperti seorang nabi.
- 6- Ketaatan total kepada seorang imam seperti ketaatan kepada nabi kerana beliau seorang yang maksum.

Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah berpendapat al-khilafah tidak termasuk dalam rukun dan asas agama walaupun ianya adalah wajib. Kewajipan menegakkan pemerintahan ditegaskan oleh ulama-ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah. Ibnu Taimiyyah (2004) berkata:

إن الخلافة والإمامة من الأمور الواجبة على المسلمين إقامتها ديانة  
فلا تبرأ ذمتهم إلا إذا قام على مجتمعهم خليفة أو حاكم

“Sesungguhnya al-khilafah (pemerintahan) dan al-imamah adalah daripada perkara-perkara wajib ke atas umat Islam mendirikan sebagai sebahagian dari urusan agama. Tidak terlepas tanggungjawab mereka melainkan dengan mengadakan pemerintahan dalam mesyarakat mereka”.

Secara umumnya kewajipan menegakkan pemerintahan diperintah oleh Rasulullah SAW. dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud:

إذا خرج ثلاثة في سفر فليؤمروا واحدا

"Apabila tiga orang keluar bermusafir, hendaklah mereka melantik salah seorang menjadi ketua" (Abu Daud, 2003)

Jika kumpulan yang kecil sejumlah tiga orang sahaja perlu mempunyai ketua, maka kumpulan yang lebih ramai seperti sebuah kampung, sebuah daerah, sebuah negeri bahkan sebuah negara lebih perlu kepada seorang ketua. Dari hadith ini, Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah berpendapat perlantikan ketua negara adalah wajib.

Namun konsep al-khilafah di dalam mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah berbeza dengan konsep al-imamah di dalam mazhab Shi'ah dalam beberapa perkara:

- 1- al-Khilafah adalah wajib tetapi bukan perkara utama yang menjadi tonggak agama.
- 2- Tugas utama seorang khalifah adalah menjalankan perintah Allah di muka bumi
- 3- Khalifah dipilih dengan ijtihad, bukan dengan nas.
- 5- Khalifah tidak berhak mengadakan satu syariat seperti seorang nabi.
- 6- Ketaatan kepada seorang khalifah bergantung kepada ketaatan pemerintah tersebut kepada Allah kerana khalifah tidak bersifat maksum.

### **Imam Dua Belas**

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, mazhab Shi'ah al-Ithnay Asyariyyah mendapat namanya kerana tonggak kepercayaan mereka bahawa terdapat dua belas imam yang diutuskan oleh Allah Taala. Mereka percaya bahawa Rasulullah SAW. telah mewasiatkan perkara tersebut kepada Saidina Ali r.a. sebelum kewafatan baginda. Saidina Ali r.a. kemudiannya mewasiatkan perkara itu kepada al-Hasan r.a yang kemudiannya mewasiatkannya kepada al-Husain r.a. Begitulah seterusnya setiap imam mewasiatkan kepada pewarisnya sebelum kematiannya.

Mereka percaya bahawa al-imamah telah ditetapkan secara warisan bermula dari Saidina Ali r.a sehingga imam mereka yang kedua belas, Muhammad bin al-Hasan al-Mahdiy, yang masih bersembunyi sehingga hari ini.

Sheikh Hamid al-Idrisiy (2007) menyebut Dua Belas Imam mazhab Shi'ah seperti yang tercatat di dalam kitab-kitab mereka adalah:

- 1- Saidina Ali bin Abu Talib al-Murtadha r.a. (meninggal tahun 40 hijrah)
- 2- al-Hasan bin Ali al-Zakiy r.a. (meninggal tahun 49 hijrah)
- 3- al-Husain bin Ali al-Syahid r.a. (meninggal tahun 61 hijrah)
- 4- Ali bin al-Husain Zainal Abidin (meninggal tahun 110 hijrah)
- 5- Muhammad bin Ali Abu Ja'far al-Baqir (meninggal tahun 119 hijrah)

- 6- Ja'far bin Muhammad al-Sodiq (meninggal tahun 148 hijrah)
- 7- Musa bin Jaafar al-Kazim (meninggal tahun 164 hijrah)
- 8- Ali bin Musa al-Redha (meninggal tahun 203 hijrah)
- 9- Muhammad bin Ali al-Naqiy (meninggal tahun 220 hijrah)
- 10- Ali bin Muhammad al-Taqi (meninggal tahun 254 hijrah)
- 11- al-Hasan bin Ali al-Askariy al-Zakiy (meninggal tahun 260 hijrah)
- 12- Muhammad bin al-Hasan al-Mahdiy (masih hidup dan bersembunyi sehingga hari ini)

Pada zaman Imam yang Keenam iaitu Ja'far al-Sodiq, beliau telah menegaskan bahawa anaknya yang bernama Ismail telah dipilih oleh Allah Taala untuk menggantikannya, dan perkara tersebut telah diwasiatkan oleh Rasulullah SAW. sebelum kewafatan baginda. Namun Ismail telah meninggal dunia sebelum kematian ayahnya, Ja'far al-Sodiq. Ini menimbulkan masalah kepada pengikutnya. Sebahagian mereka kembali kepada pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah, manakala sebahagian yang lain mendakwa bahawa Ismail tidak meninggal dunia, bahkan beliaulah al-Mahdi al-Muntazar yang akan kembali membawa kemenangan kepada Shi'ah. Mereka kemudiannya menubuhkan mazhab baru yang dinamakan sebagai Shi'ah al-Ismailiyyah.

Namun sebahagian yang lain menamakan Musa sebagai pengganti baru kepada Ja'far, seterusnya mendakwa bahawa berlaku al-Bada' kepada Allah -Maha Suci Allah dari apa yang mereka dakwa-. Menurut Mohd Asri Yusof (1993) al-Bada' mengikut pegangan Shi'ah adalah nyata atau jelas sesuatu setelah tersembunyi. al-Bada' juga bermaksud timbul fikiran baru tentang sesuatu. Secara jelas al-Bada' menunjukkan sifat kejahilan dan tidak mempunyai ilmu yang meliputi.

Hujah yang sama juga digunakan apabila Imam Yang Kesembilan, Muhammad bin Ali al-Naqiy menamakan salah seorang anaknya sebagai pengganti, namun anaknya meninggal selepas itu. Beliau menamakan anak yang lain iaitu Ali bin Muhammad al-Taqi. Imam Yang Kesebelas pula iaitu al-Hasan bin Ali al-Askariy meninggal dunia dan tidak mempunyai anak. Mereka mengadakan kepercayaan baru bahawa al-Hasan telah mempunyai anak yang bernama Muhammad. Anak ini disembunyikan dan akan keluar membalas segala perbuatan musuh-musuh mereka. Muhammad inilah yang digelar sebagai al-Mahdi dan masih bersembunyi sehingga hari ini. (Hamid al-Idrisiy, 2007)

### **Sifat-sifat Imam Menurut Mazhab Shi'ah**

Shi'ah al-Ithnay A'syariyyah menjadikan kepercayaan kepada konsep al-Imamah sebagai rukun utama agama. Oleh itu mereka telah meletakkan beberapa sifat yang perlu ada pada imam-imam mereka. Secara umumnya, mereka meletakkan kedudukan imam-imam mereka seperti kedudukan para nabi, bahkan lebih utama dari para nabi. Oleh itu mereka berpendapat imam-imam mereka adalah maksum, mempunyai mukjizat serta mengetahui perkara ghaib.

## 1- Imam adalah maksum

Shi'ah berpendapat Imam mereka adalah maksum iaitu tidak melakukan sebarang kesalahan samada dengan sengaja atau terlupa. Mereka membina pegangan ini di atas asas bahawa Imam adalah hujah Allah, kata-katanya adalah kata-kata Allah Taala dan Rasulullah SAW. Maka wajib mentaati dan menyerah diri kepadanya secara mutlak. Oleh itu seorang Imam adalah terpelihara dari melakukan sebarang kesalahan.

Sheikh Hamid al-Idrisiy (2007) menukilkan kata-kata al-Majlisiy:

جملة القول فيه أن أصحابنا الإمامية أجمعوا على عصمة الأنبياء والأئمة صلوات الله عليهم  
من الذنوب الصغيرة والكبيرة عمداً وخطأً ونسياناً قبل النبوة والإمامة وبعدهما،  
بل من وقت ولادتهم إلى أن يلقوا الله تعالى

“Sebagai rumusan dalam masalah ini – al-‘ismah- bahawa kami al-Imamiyyah berijmak di atas maksumnya para Nabi dan para imam daripada dosa-dosa, samada kecil atau besar, secara sengaja atau tersalah atau terlupa, sebelum diutuskan menjadi nabi dan Imam atau selepas diutuskan, bahkan bermula sejak dilahirkan sehingga mereka bertemu dengan Allah Taala”.

Bersumberkan pegangan ini, mereka berpendapat bahawa kata-kata Imam mereka umpama kata-kata Rasulullah SAW. Oleh itu segala perintah Imam hendaklah dituruti tanpa persoalan kerana mereka memiliki hak untuk membuat hukum syara'. Sheikh Hamid al-Idrisiy (2007) menyebut kata-kata Muhammad Redha al-Muzaffar dalam perkara ini:

بل نعتقد أن أمرهم أمر الله ، وهيهام نهيهم ، وطاعتهم طاعته ، ومعصيتهم معصيته ، ووليهم وليه ،  
وعدوهم عدوه ، ولا يجوز الرد عليهم ، والراد عليهم كالراد على الرسول ،  
والراد على الرسول كالراد على الله تعالى . فيجب التسليم لهم والانقياد لأمرهم والأخذ بقولهم .

“Bahkan kami percaya bahawa perintah mereka adalah perintah Allah, larangan mereka adalah laranganNya, ketaatan kepada mereka adalah ketaatan kepadaNya, kemaksiatan kepada mereka adalah kemaksiatan kepadaNya, berwala' kepada mereka adalah berwala' kepadaNya, memusuhi mereka adalah memusuhiNya. Dan tidak harus membantah mereka, kerana membantah mereka adalah seperti membantah Rasulullah, dan membantah Rasulullah adalah seperti membantah Allah. Maka wajib menyerah diri kepada mereka, mentaati perintah mereka serta mengambil kata-kata mereka”

Daripada kata-kata di atas, adalah jelas Shi'ah meletakkan kedudukan Imam mereka setaraf dengan kedudukan Nabi. Kata-kata Imam tidak boleh dipersoalkan dan menjadi hukum



syara' yang wajib dipatuhi. Tidak cukup dengan itu, mereka juga menyamakan pengajaran Imam mereka dengan al-Quran, seperti kata-kata al-Khumainiy:

إن تعاليم الأئمة كتعاليم القرآن لا تخص جيلا خاصا،  
وإنما هي تعاليم للجميع في كل عصر ومصر وإلى يوم القيامة

“Sesungguhnya pengajaran para Imam adalah seperti pengajaran al-Quran, tidak khusus kepada satu generasi sahaja, bahkan pengajaran untuk semua orang pada semua masa dan tempat, sehingga hari Kiamat”

Pandangan ini adalah berbeza sama sekali dengan pendapat Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah yang berijmak bahawa hanya para Nabi yang maksum daripada melakukan dosa. Para ulamak mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah telah sepakat menyatakan tiada seorang manusiapun yang maksum selain Nabi.

## 2- Imam dikurniakan mukjizat

Mukjizat adalah perkara luar biasa yang dikurniakan oleh Allah kepada para Nabi untuk membuktikan kebenaran mereka. Mukjizat membuktikan kewujudan Allah Taala, Tuhan yang mentadbir alam ini. Perkara luar biasa yang berlaku adalah tanda adanya Yang maha Berkuasa yang mampu membuat apa sahaja seperti menyejukkan api yang panas membara dan membelah lautan yang terbentang luas.

Kebiasaannya mukjizat berlaku mengikut kepakaran kaum Nabi berkenaan. Contohnya Nabi Musa a.s. dikurniakan dengan mukjizat mematahkan sihir kerana pada zaman baginda sihir sangat popular dalam masyarakat. Nabi Isa a.s. pula dikurniakan mukjizat menyembuhkan penyakit bahkan menghidupkan orang yang telah mati kerana kaum baginda pada masa itu terkenal dengan perubatan. Mukjizat terbesar Nabi Muhammad SAW adalah al-Quran yang menyebabkan orang Arab yang sangat fasih bersastera menjadi kebingungan.

Memandangkan Shi'ah meletakkan kedudukan Imam mereka setaraf para Nabi, mereka percaya para imam juga dikurniakan dengan mukjizat. Sheikh Hamid al-Maqdisiy (2007) menakalkan kata-kata Hashim al-Bahraniy:

اعلم أن المعجزات من الأنبياء والأئمة دليل على صدقهم على الله سبحانه في دعواهم النبوة والإمامة

“Ketahuilah bahawa mukjizat dari para Nabi dan para Imam adalah petunjuk kebenaran mereka dari Allah di atas dakwaan mereka menerima kenabian dan al-Imamah”

Oleh sebab itu, mereka telah meriwayatkan kisah-kisah luar biasa yang berlaku kepada Imam-imam mereka. Di antara contoh kisah yang terdapat di dalam kitab-kitab utama mereka adalah kisah yang berlaku di antara Imam Keempat Ali bin al-Husain Zainal Abidin bersama bapa

saudaranya Muhammad bin al-Hanafiah. Apabila Muhammad bin al-Hanafiah meragui perlantikan Ali bin al-Husain sebagai Imam, mereka berdua pergi mengadap Hajarul Aswad, lalu ianya bergerak sehingga hampir terjatuh dari tempatnya, kemudian Allah Taala membenarkannya bercakap dalam Bahasa Arab yang fasih: Ya Allah, sesungguhnya wasiat dan al-Imamah selepas al-Husain bin Ali adalah kepada Ali bin al-Husain bin Ali.

Kisah yang hampir sama turut dimuatkan dalam karangan mereka adalah perselisihan di antara Imam Kelima Muhammad bin Ali al-Baqir bersama Zaid bin al-Hasan. Muhammad bin Ali al-Baqir telah memerintah pisau yang dipegang Zaid untuk berkata-kata, lalu pisau itu melompat ke tanah dan berkata: Wahai Zaid, engkau zalim, Muhammad lebih layak dan lebih baik daripada engkau, jika engkau tidak berhenti –mendakwa al-Imamah- maka aku akan membunuh kamu.

Mereka juga turut menjadikan mukjizat para Nabi sebagai mukjizat para Imam. Contohnya mukjizat Nabi Soleh a.s. mengeluarkan unta dari batu diubah suai menjadi mukjizat Ali r.a. mengeluarkan 100 ekor unta dari batu. Mereka turut mengubah suai mukjizat Nabi Musa a.s. menghidupkan orang yang mati dibunuh kepada mukjizat Ali r.a. sehingga diketahui pembunuhnya. (Hamid al-Idrisiy, 2007)

Menurut Sheikh Hamid al-Idrisiy (2007) buku-buku berkaitan mukjizat para Imam dalam mazhab Shi'ah terlalu banyak umpama buku-buku berkaitan ilmu Fiqh. Kebanyakan kisah-kisah tersebut adalah kisah khayalan yang melampau yang membuktikan kebatilan mazhab Shi'ah, bukannya menyokong kebenaran al-Imamah seperti dakwaan mereka.

### 3- Imam mengetahui perkara ghaib

Di antara perkara yang menjadi ijmak di kalangan umat Islam adalah hanya Allah Taala sahaja yang mengetahui perkara ghaib. Walaupun terdapat pelbagai perselisihan pendapat dalam perkara-perkara lain, umat Islam bersepakat mengatakan tiada makhluk yang mengetahui perkara ghaib, termasuk para Nabi dan Rasul.

Ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith Rasulullah SAW yang menunjukkan kepada perkara ini adalah sangat banyak sehingga tiada ruang untuk dipersoalkan. Diantara nas yang sangat jelas membuktikan ijmak ini adalah firman Allah Taala (al-Naml - 65):

قُلْ لَا يَعْلَمُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ الْعَيْبَ إِلَّا اللَّهُ وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبْعَثُونَ

Yang bermaksud: “Katakanlah (wahai Muhammad) tiada sesiapa pun samada di langit atau di bumi yang mengetahui perkara ghaib kecuali Allah, dan mereka tidak menyedari bila mereka dibangkitkan”.

Para Nabi dan Rasul juga tidak mendakwa bahawa mereka mengetahui perkara ghaib, bahkan mereka menafikan yang mereka mengetahuinya. Nabi Muhammad SAW. berkata seperti yang diceritakan di dalam al-Quran (al-A'raf - 188):

وَلَوْ كُنْتُ أَعْلَمُ الْعَيْبَ لَأَسْتَكْتَرْتُ مِنَ الْخَيْرِ وَمَا مَسَّنِيَ السُّوءُ

Yang bermaksud: “Dan jika aku mengetahui urusan ghaib tentu aku akan memperbanyakkan kebaikan dan aku tidak akan ditimpa sebarang keburukan”

Namun Shi'ah tidak berpuas hati dengan sekadar menjadikan kedudukan Imam mereka setaraf Nabi, bahkan mereka ingin lebih daripada itu. Oleh itu mereka mendakwa bahawa Imam-imam mereka mengetahui perkara ghaib, dan mendakwa Imam mereka lebih mulia dari para Nabi. Sheikh Abdullah bin Muhammad al-Salafiy menukilkan kata-kata al-Kulainiy:

قال الإمام جعفر الصادق : نحن خزان علم الله ، نحن تراجمه أمر الله ، نحن قوم معصومون ،  
أمر بطاعتنا ونهي عن معصيتنا ، نحن حجة الله البالغة على من دون السماء وفوق الأرض

“al-Imam Jaafar al-Sodiq berkata: Kami adalah penyimpan ilmu Allah, kami adalah perterjemah perintah Allah, kami adalah maksum, diperintahkan mentaati kami dan dilarang mengingkari kami, kami adalah hujah Allah yang benar ke atas makhluk yang tinggal di antara langit dan bumi”

Al-Kulainiy juga telah menulis beberapa bab berkaitan perkara ini di dalam kitabnya al-Kafiy yang dianggap seperti kitab Sohih al-Bukhariy dalam mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah. Di antaranya bab para Imam mengetahui apa yang telah berlaku dan apa yang akan berlaku, dan tiada perkara yang terlepas dari pengetahuan mereka. Beliau juga menulis bab para Imam mengetahui bila mereka akan mati dan mereka tidak mati melainkan dengan pilihan sendiri. Selain daripada itu terdapat juga bab para Imam mengetahui semua ilmu yang sampai kepada malaikat, para Nabi dan para Rasul.

Tidak cukup dengan itu, mereka secara jelas mendakwa bahawa para Imam adalah lebih mulia daripada para Nabi kecuali Nabi Muhammad SAW. Sheikh Abdullah bin Muhammad al-Salafiy menukilkan kata-kata al-Majlisiy:

وأنتهم أفضل وأشرف من جميع الأنبياء سوى نبينا محمد صلى الله عليه وسلم

“Dan bahawa mereka –para Imam- adalah lebih baik dari kesemua Nabi melainkan Nabi Muhammad SAW”

### **Perbandingan Mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah Dengan Shi'ah**

Secara umumnya kedua-dua mazhab mempunyai satu persamaan iaitu perlunya ada pengganti Rasulullah SAW selepas kewafatan baginda. Pengganti ini akan meneruskan tugas mulia baginda menyebarkan Islam ke seluruh pelusuk dunia.

Namun terdapat perbezaan yang amat besar dalam penafsiran pengganti ini. Mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah menegaskan pengganti Rasulullah SAW adalah manusia biasa

yang dipilih melalui syura. Inilah yang berlaku apabila Rasulullah SAW wafat, para sahabat telah berkumpul dan bermusyawarah sehingga akhirnya mereka sepakat memilih Abu Bakar al-Siddiq r.a sebagai pengganti baginda dan dipanggil sebagai Khalifah (pengganti). Apabila seorang khalifah meninggal dunia, maka pemiliha khalifah baru akan dibuat samada melalui cara syura atau wasiat khalifah terdahulu.

Mazhab Shi'ah pula berpendapat pengganti Rasulullah SAW adalah insan ma'sum yang telah ditetapkan oleh Allah Taa'la melalui wahyu kepada baginda. Rasulullah SAW kemudiannya mewasiatkan wahyu tersebut kepada penggantinya iaitu Ali r.a, yang dipanggil Imam dan kemudian mewasiatkannya pula kepada keturunannya. Sesiapa yang menduduki jawatan tersebut dianggap merampas hak keluarga Rasulullah SAW. Mereka mempercayai hanya keturunan Ali yang berhak memerintah melalui wasiat Imam terdahulu.

Tanggungjawab seorang khalifah dalam mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah adalah menjadi ketua negara Islam dan meneruskan usaha Rasulullah SAW menyebarkan Islam ke seluruh pelusuk dunia. Beliau hendaklah mengikut syariat yang dibawa oleh Rasulullah SAW dan tidak berhak membuat hukum syara'.

Tanggungjawab seorang Imam dalam mazhab Shi'ah adalah sama seperti tanggungjawab seorang rasul, iaitu menjadi utusan Allah Ta'ala. Mereka mempunyai hak menghalalkan dan mengharamkan sesuatu dan boleh membuat syarak baru.

Seorang khalifah dalam mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah adalah manusia biasa, mempunyai sifat sama seperti manusia kebanyakan. Mereka tidak maksum, tiada mukjizat dan tidak mengetahui perkara ghaib. Sesiapa sahaja yang cukup syarat yang ditetapkan boleh dilantik atau dipilih menjadi khalifah, walaupun seorang bekas hamba berbangsa Habsyah seperti yang tersebut di dalam hadith.

Seorang Imam dalam mazhab Shi'ah sebaliknya adalah insan istimewa yang maksum seperti para nabi, tidak melakukan sebarang dosa. Mereka juga diberi mukjizat untuk membuktikan mereka adalah Imam yang tulen. Mereka juga diberi kelebihan melebihi para Nabi iaitu diberi pengetahuan ilmu ghaib. Hanya dua belas Imam dari keturunan Saidina Ali r.a yang mendapat keistimewaan ini.

## **KESIMPULAN**

Konsep al-Imamah dalam mazhab Shi'ah adalah sangat merbahaya kepada pemikiran Islam dan boleh membawa kepada kekufuran. Kepercayaan bahawa Imam adalah maksum, diberi mukjizat seta mengetahui perkara jelas bertentangan dengan akidah Islam yang suci.

Setiap individu muslim wajib mencari kebenaran dan menjaga akidahnya dari dipesongkan oleh musuh-musuh Islam, yang sentiasa berusaha menyesatkan umat Islam dari jalan kebenaran. Dengan kembali kepada al-Quran dan al-Sunnah mengikut jalan yang dibawa oleh salaf al-soleh, umat Islam mampu mengharungi pelbagai cabaran dalam kehidupan mereka.

**RUJUKAN**

- Abdullah ibn Muhammad al-Salafiy. (t.t.). *Min A'qaid al-Shi'ah*,  
Abu Hamid Muhammad al-Maqdisiy. (1983). *Risalah Fi al-Rad A'la al-Rafidhah*, Bombay-al-Dar al-Salafiyyah
- Ali Ahmad al-Salus. (2003). *Ma'a al-Ithnay A'syariah fi al-Usul wa al-A'qaid*, Mesir- Maktabah Dar al-Quran
- Asri Yusuf. (1992). *Bahaya Syiah Kepada Akidah, Syariah, Akhlak, Ummah Dan Negara*, Kuala Lumpur-Universiti Kebangsaan Malaysia
- Hamid al-Idrisiy. (2007). *al-Fadhah li Mazhab al-Shi'ah al-Imamiyyah*, al-Kahirah – Maktabah al-Ridhwan
- Muhammad Ismail al-Bukhariy. (1992). *Sohih al-Bukhariy*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Muhammad Mal Allah (1982). *Mauqif al-Khumainiy Min Ahl al-Sunnah*,  
Muhammad Mal Allah (1989). *Mauqif al-Shi'ah Min Ahl al-Sunnah*, Maktabah Ibn Taimiyyah
- Muhammad Mal Allah. (t.t.). *Matariq al-Nur Tubaddid Awham al-Shi'ah*, dar al-Ansar
- Nasir Abdullah Ali al-Qafariy. (t.t.). *Usul Mazhab al-Shi'ah al-Imamiyyah al-Ithnay A'syariyyah*, Jamiah al-Imam Muhammad ibn Saud al-Islamiyyah.
- Sulaiman ibn al-Asy'ath al-Sijistaniy, Abu Daud. (2003). *Sunan Abi Daud*, Riyadh - Maktabah al-Ma'arif li al-Nayr wa al-Tauzi'.